

Headline	TH lancar Program Iqra, bantu pelajar asnaf sebelum sesi persekolahan bermula		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	10 Nov 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	45,554
Page No	17	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	245 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 794
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,383



TH lancar Program Iqra', bantu pelajar asnaf sebelum sesi persekolahan bermula

KUALA LUMPUR: Program Iqra' yang dilancarkan Lembaga Tabung Haji (TH) semalam disifatkan sebagai suatu inisiatif kreatif yang dapat membantu ibu bapa membuat persediaan awal bagi sesi persekolahan 2017.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata TH memperuntukkan RM2 juta agihan zakat tahun ini untuk diagihkan awal sebelum sesi persekolahan tahun depan bermula.

"Sejumlah 4,000 pelajar asnaf terpilih di seluruh negara akan mendapat bantuan menerusi Program Iqra' yang merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TH.

"TH amat memahami permasalahan ibu bapa setiap kali tiba sesi persekolahan. Biasanya bantuan diberi pada awal tahun tetapi TH memahami sudut ekonomi dan pengurusan perbelanjaan ibu bapa dengan mengagihkan bantuan sebelum persekolahan bermula," katanya selepas melancarkan Program Iqra' di Dewan Darul Kifayah, di sini.

Turut hadir Pengerusi TH Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Pengarah



MESRA: Jamil Khir (kiri) beramah mesra dengan para pelajar selepas merasmikan Program Iqra Tabung Haji (TH) 2016 di Dewan Darul Kifayah, Kuala Lumpur semalam. Turut hadir Abdul Azeez (dua kiri). — Gambar Bernama

Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Johan Abdullah.

Sejumlah 468 pelajar dari 16 sekolah rendah dan menengah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hari ini menerima agihan zakat berjumlah RM234,000, dengan setiap seorang menerima

RM300 dan barangan kelengkapan persekolahan bernilai RM200.

Menurut Jamil Khir, program bersifat serampang dua mata itu bertujuan mendidik minda, membentuk peribadi, menggilap potensi diri serta mengukuhkan jati diri di kalangan pelajar.

"Saya harap sumbangan ini dapat mendorong dan memberi motivasi kepada anak-anak asnaf ini untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik sekali gus menjadi golongan terpelajar suatu hari nanti," katanya. — Bernama